

Ekoran tertangkap Siddiq Ghouse

# Kegiatan KGB akan dibongkar: Ghazali Shafie

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Kegiatan badan perisik Russia (KGB) di negara ini akan dibongkar dengan tertangkapnya bekas Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Siddiq Mohamad Ghouse, kata Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie.

Bellau memberitahu Berita Harian, pihak berkuasa sedang cuba mendapatkan kerjasama dari Siddiq untuk membongkar rangkaian perisik KGB di negara ini. "Siddiq kini sedang disoal-siasat untuk butiran-butir lengkap mengenai kegiatan yang telah dijalankan dan rangkaian perisik mereka," jelas bellau.

Tan Sri Ghazali berkata demikian selepas menghadiri mesyuarat Kabinet ketika diminta mengulas hasil-siasatan polis terhadap Siddiq yang ditangkap kelmarin.

Siddiq ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dituduh menjadi perisik KGB.

Berikutan dengan tangkapan tersebut tiga kakitangan Kedutaan Russia di sini diusir keluar dalam masa 24 jam.

Mereka ialah

Setiausaha Satu (Konsul) G.I. Stepanov, Setiausaha Kedua (Politik) V.P. Romanov dan Z.L. Khamidouline.

Tan Sri Ghazali menegaskan rangkaian KGB ini wujud atau tidak di negara ini akan hanya diketahui selepas siasatan terhadap Siddiq selesai.

"Tangkapan akan dibuat jika terdapat bukti lengkap adanya orang lain terlibat," tambah bellau ketika ditanya mengenai hal tersebut.

Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar menegaskan bahawa penangkapan Siddiq tidak menjejaskan imej dan perpaduan UMNO keseluruhannya.

## Peribadi

Katanya, seperti kata Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad perbuatan Siddiq dilakukan secara peribadi dan tidak ada sangkut paut dengan UMNO.

"Oleh itu ia tidak sedikit pun menjejaskan atau melibatkan ahli-ahli UMNO yang lain," katanya.

Siddiq ialah Timbalan Ketua Bahagian Sungai Petani dan kedudukannya sebagai ahli akan diputuskan oleh jawatankuasa disiplin parti.

Datuk Mustafa memuji sikap Datuk Seri Dr. Mahathir sambil menyatakannya: "Tindakan yang diambil oleh Datuk Seri Dr. Mahathir membuktikan bellau tidak memijih bulu ketika mengambil tindakan tegas.

"Meskipun Siddiq bekas Setiausaha Politiknya sendiri namun Datuk Seri Dr. Mahathir tidak sedikit pun cuba melindunginya, bahkan membiar pihak polis terus menyasat," tambahna.

Setiausaha Agung UMNO itu juga membidas tindakan KGB kerana menjalankan kegiatan di negara ini yang mengamalkan konsep tidak menyebelahi mana-mana kuasa besar.

Bellau berkata, kerajaan Russia mesti memahami Malaysia merupakan sebuah negara berkecuali dan tidak mahu campur tangan mengenai hal ehwal negara lain.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia